



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah)
(Pindaan) 1988**

DR.18/1988

D.R. 18/88

Nashkah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi meminda Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

BAHAWASANYA suatu Perisytiharan Darurat telah dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 15hb Mei 1969 di bawah Perkara 150 Perlembagaan; P.U. (A)
145/69.

DAN BAHAWASANYA pada 12hb Jun 1969 Yang di-Pertuan Agong memasyhurkan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 menurut Fasal (2) Perkara 150 Perlembagaan; P.U. (A)
187/69.

DAN BAHAWASANYA disebabkan Darurat itu Parlimen berpendapat adalah perlu dibuat pindaan-pindaan tertentu kepada Ordinan tersebut;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, menurut Fasal (5) Perkara 150 Perlembagaan INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) (Pindaan) 1988 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*. Tajuk
ringkas
dan mula ber-
kuatkuasa.

Pindaan
seksyen 4.
P.U. (A)
187/69.

2. Seksyen 4 Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, yang disebut "Ordinan" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memotong subseksyen (1A).

Seksyen
baru 4c.

3. Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 4B seksyen baru 4c yang berikut:

"Perintah
tahanan
tidak
menjadi
tak sah
atau tak
berkuat-
kuasa
atas alasan-
alasan
tertentu.

4c. Tiada perintah tahanan boleh menjadi tak sah atau tak berkuatkuasa oleh sebab—

(a) orang yang terhadapnya perintah tahanan itu dimaksudkan—

(i) telah selepas sahaja perintah tahanan itu dibuat ditahan di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan yang diarahkan oleh Menteri di bawah seksyen 4 (2) (kemudian daripada ini disebut "tempat tahanan itu" dalam seksyen ini);

(ii) terus ditahan selepas sahaja perintah tahanan itu dibuat di tempat yang dia telah ditahan di bawah seksyen 3 sebelum dia dipindahkan ke tempat tahanan itu, walaupun tempoh maksimum bagi penahanan sedemikian di bawah seksyen 3 (3) telah tamat; atau

(iii) telah semasa jangka masa perintah tahanan itu berada dalam perjalanan dalam jagaan polis atau dalam apa-apa jagaan lain ke tempat tahanan itu; atau

(b) perintah tahanan itu telah disampaikan kepadanya di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan itu, atau

terdapat apa-apa kecacatan substansial yang berhubungan dengan penyampaian perintah tahanan itu kepadanya.”.

4. Seksyen 5 Ordinan adalah dipinda dengan memotong subseksyen (2A). Pindaan seksyen 5.

5. Seksyen 6 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “dari tarikh orang itu ditahan” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “dari tarikh surat-rayuan itu telah diterima oleh Lembaga Penasihat, atau dalam tempoh selanjutnya sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang di-Pertuan Agong”. Pindaan seksyen 6.

6. Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 7 seksyen baru 7A dan 7B yang berikut: Seksyen baru 7A dan 7B.

“Kuasa Menteri melanjutkan perintah tahanan, perintah sekatan atau perintah tahanan yang digantung.

7A. (1) Menteri boleh pada bila-bila masa sebelum jangka masa—

- (a) sesuatu perintah tahanan yang dibuat di bawah seksyen 4 (1);
- (b) sesuatu perintah sekatan yang dibuat di bawah seksyen 4A (1); atau
- (c) sesuatu perintah tahanan yang digantung di bawah seksyen 4B (kemudian daripada ini disebut “perintah tahanan yang digantung”),

habis tempoh, mengarahkan supaya jangka masa perintah itu dilanjutkan bagi apa-apa tempoh selanjutnya, yang tidak melebihi dua tahun, sebagaimana yang ditentukan olehnya, bermula sebaik sahaja jangka masa semasa pada waktu itu habis tempoh.

(2) Jangka masa sesuatu perintah tahanan, atau sesuatu perintah sekatan, atau sesuatu perintah tahanan yang digantung, yang

dilanjutkan di bawah subseksyen (1) boleh, selepas itu, dilanjutkan lagi dari semasa ke semasa oleh Menteri selama tempoh-tempoh selanjutnya yang tidak melebihi dua tahun pada sesuatu masa.

(3) Jika Menteri mengarahkan suatu perlanjutan dibuat di bawah subseksyen (1) atau (2), maka dia hendaklah menerangkan dalam arahan itu alasan-alasan bagi perlanjutan itu dan menyatakan sama ada alasan-alasan itu—

- (a) sama dengan alasan-alasan yang atasnya perintah itu dibuat asalnya, atau dilanjutkan dahulunya;
- (b) berlainan daripada alasan-alasan yang atasnya perintah itu dibuat asalnya, atau dilanjutkan dahulunya; atau
- (c) sebahagiannya alasan-alasan yang sama dan sebahagiannya alasan-alasan yang berlainan.

(4) Jika jangka masa sesuatu perintah tahanan yang digantung itu dilanjutkan di bawah subseksyen (1) atau (2), maka tempoh bagi penggantunganannya yang dinyatakan dalam arahan yang diberikan menurut seksyen 4B hendaklah disifatkan telah dilanjutkan selama jangka masa perlanjutan perintah tahanan yang digantung itu bersama dengan sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah arahan itu, tertakluk, jika Menteri mengarahkan sedemikian, kepada kehendak bahawa orang yang terhadapnya perintah tahanan itu telah dibuat hendaklah mengikat suatu bon baru sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan (j) seksyen 4A (1), dan peruntukan-peruntukan seksyen 4B hendaklah terpakai berkenaan dengan perintah tahanan yang

digantung yang dilanjutkan itu mengikut cara yang sama sebagaimana ia terpakai berkenaan dengan perintah tahanan yang digantung yang asal di bawah seksyen 4B.

(5) Jika arahan di bawah subseksyen (1) atau (2) bagi perlanjutan jangka masa sesuatu perintah tahanan atau sesuatu perintah tahanan yang digantung adalah atas alasan-alasan yang termasuk di bawah perenggan (b) atau (c) subseksyen (3), maka peruntukan-peruntukan seksyen 5 dan 6 hendaklah terpakai bagi arahan sedemikian seolah-olah arahan itu adalah suatu perintah tahanan yang baru.

Kuasa
Menteri
membatal-
kan
perintah
tahanan,
atau
perintah
sekatan,
atau perintah
tahanan
yang di-
gantung,
atau
arahan untuk
melanjutkan
mana-mana
perintah
sedemikian.

7B. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Ordinan ini, Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan mana-mana perintah tahanan yang dibuat di bawah seksyen 4 (1), atau mana-mana perintah sekatan yang dibuat di bawah seksyen 4A (1), atau mana-mana perintah tahanan yang digantung, atau mana-mana arahan di bawah seksyen 7A (1) atau (2) bagi perlanjutan jangka masa mana-mana perintah sedemikian, jika difikirkannya adil atau patut untuk berbuat demikian.

(2) Apa-apa pembatalan di bawah subseksyen (1) tidaklah menjejaskan keesahan perintah atau arahan sebelum pembatalannya atau apa-apa jua yang dilakukan di bawahnya, atau kuasa Menteri untuk membuat perintah baru atau memberi arahan baru di bawah peruntukan-peruntukan yang disebutkan dalam subseksyen (1) berkenaan dengan orang yang terhadapnya perintah atau arahan yang dibatalkan itu telah dibuat atau diberi.”.

Pengesahan
perintah
tahanan
dan
penahanan,
dan tanggung
rugi.

7. (1) Jika sesuatu perintah tahanan telah dibuat di bawah seksyen 4 (1) Ordinan terhadap mana-mana orang semasa tempoh di antara tarikh mula berkuatkuasanya Ordinan dan tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini (kemudian daripada ini disebut "tempoh peralihan"), maka perintah tahanan itu dan penahanan yang dibuat menurutnya semasa tempoh peralihan itu, dan penerusannya selepas itu, jika ada, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai sah dan menurut undang-undang, dan hendaklah disifatkan sebagai, dan sentiasa dan pada setiap masanya menjadi, sah dan menurut undang-undang, walaupun pada bila-bila masa semasa jangka masa perintah tahanan itu dia telah ditahan di mana-mana tempat selain daripada tempat yang diarahkan oleh Menteri di bawah seksyen 4 (2) Ordinan (kemudian daripada ini disebut "tempat tahanan") atau terus ditahan di tempat yang dia telah ditahan di bawah seksyen 3 Ordinan selepas tempoh maksimum yang diperuntukkan baginya di bawah seksyen 3 (3) Ordinan tamat, atau telah berada dalam perjalanan dalam jagaan polis atau dalam apa-apa jagaan lain ke tempat tahanan, atau terdapat apa-apa kelengahan dalam menyampaikan perintah tahanan itu kepadanya, atau perintah tahanan itu telah disampaikan kepadanya di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan itu, atau terdapat apa-apa kecacatan yang berhubungan dengan penyampaian perintah tahanan itu kepadanya.

(2) Tiada tindakan, guaman, pendakwaan, atau apa-apa jua pun prosiding undang-undang lain daripada apa-apa perihalan atau dalam apa-apa bentuk, boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan di mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan selepas mula berkuatkuasanya Akta ini, atau, jika dibawa atau dimulakan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, terus dikekalkan, bagi atau disebabkan oleh, atau berkenaan dengan, apa-apa jua yang dilakukan dengan sahnya berhubungan dengan perintah tahanan atau penahanan yang diisytiharkan sebagai sah dan menurut undang-undang di bawah subseksyen (1), kecuali bahawa peruntukan-peruntukan subseksyen ini

tidaklah terpakai bagi apa-apa prosiding undang-undang sedemikian yang telah selesai dan keputusan muktamad mahkamah telah diberikan berkenaan dengannya sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, atau bagi apa-apa rayuan berkenaan dengan keputusan muktamad itu.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini diperbuat menurut Fasal (5) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan bagi meminda Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969.

2. *Fasal 2* memotong subseksyen (1A) seksyen 4 Ordinan dan adalah pindaan berbangkit berikutan dengan pemasukan seksyen baru 7B.

3. *Fasal 3* memasukkan selepas seksyen 4B seksyen baru 4c yang memperuntukkan bahawa tiada perintah tahanan boleh menjadi tak sah atau tak berkuatkuasa jika orang yang terhadapnya suatu perintah tahanan dibuat telah ditahan di tempat-tempat tertentu selain daripada tempat yang diarahkan oleh Menteri di bawah seksyen 4 (2), atau jika penyampaian perintah itu telah dibuat di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan yang disebut di atas, atau jika terdapat apa-apa kecacatan substansial yang berhubungan dengan penyampaian perintah tahanan itu.

4. *Fasal 4* yang memotong subseksyen (2A) seksyen 5 adalah pindaan berbangkit yang berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 6 (1).

5. *Fasal 5* meminda subseksyen (1) seksyen 6 dengan menggantikan perkataan-perkataan "dari tarikh orang itu ditahan" dengan perkataan-perkataan "dari tarikh surat-rayuan itu telah diterima oleh Lembaga Penasihat, atau dalam tempoh selanjutnya sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang di-Pertuan Agong" untuk memastikan ia konsisten dengan Fasal (1) (b) Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan.

6. *Fasal 6* memasukkan selepas seksyen 7 seksyen baru 7A dan 7B.

Seksyen 7A memperkatakan tentang kuasa Menteri untuk melanjutkan sesuatu perintah tahanan, perintah sekatan atau perintah tahanan yang digantung.

Seksyen 7B memperkatakan tentang kuasa Menteri untuk membatalkan perintah-perintah sedemikian dan membatalkan sesuatu arahan melanjutkan apa-apa perintah sedemikian.

7. *Fasal 7 (1)* bertujuan mengesahkan apa-apa perintah tahanan atau apa-apa penahanan yang dibuat semasa tempoh peralihan walaupun orang yang berkenaan telah ditahan di tempat-tempat tertentu selain daripada tempat yang disebut dalam seksyen 4 (2), orang yang berkenaan itu telah ditahan dalam jagaan polis atau dalam apa-apa jagaan lain semasa berada dalam perjalanan ke tempat tahanan itu, perintah tahanan itu telah disampaikan kepadanya di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan atau terdapat apa-apa kecacatan yang berhubungan dengan penyampaian perintah itu.

Fasal 7 (2) melarang apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau apa-apa prosiding undang-undang lain diambil, dimulakan atau dikekalkan berkenaan dengan apa-apa perintah tahanan atau penahanan yang disahkan di bawah *fasal 7 (1)*. Larangan ini, bagaimanapun, tidak terpakai bagi apa-apa prosiding undang-undang jika mahkamah telah memberi keputusan muktamad sebelum mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini, atau jika ada rayuan berkenaan dengan keputusan itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1493.]